



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**24 November 2023
10 Jamadilawal 1445H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	<ul style="list-style-type: none">• Cuaca buruk, nelayan 'berehat'• Nelayan setuju pindah terminal feri
Berita Harian	<ul style="list-style-type: none">•
Harian Metro	<ul style="list-style-type: none">•
Kosmo !	<ul style="list-style-type: none">•
Sinar Harian	<ul style="list-style-type: none">• Ikan tembakang RM5 seikat laris terjual
The Star	<ul style="list-style-type: none">•
New Straits Time	<ul style="list-style-type: none">•
Nanyang Siang Pau	<ul style="list-style-type: none">•
Malaysia Gazette	<ul style="list-style-type: none">•
Harakah	<ul style="list-style-type: none">•
Malaysiakini	<ul style="list-style-type: none">•
Bernamea	<ul style="list-style-type: none">•
Borneo Post (KK)	<ul style="list-style-type: none">•
Guan Ming Daily	<ul style="list-style-type: none">•
Sabah Media	<ul style="list-style-type: none">•

UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	/	THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN	POSITIF	/	NEGATIF		NEUTRAL			28

24-11-2023

Ikan tembakang RM5 seikat laris terjual

94 M628

RANTAU PANJANG - Ikan tembakang menjadi rezeki tambahan musim tengkujuh kepada seorang warga emas berikutan limpahan air sungai akibat hujan lebat sejak beberapa hari lalu.

Omar Seman, 72, berkata ikan tembakang tidak bermusim tetapi bersaiz lebih besar pada musim tengkujuh dan mudah dipukat.

Dia yang menetap di Kampung Padang Licin, di sini, mengambil peluang memukat ikan darat itu di sungai terletak kira-kira 500 meter dari rumahnya selepas tidak dapat melakukan kerja kampung akibat cuaca buruk.

"Saya turun memukat seawal jam 7 pagi dan mula menjual pada jam 9 pagi kerana sudah ramai yang melalui jalan ini," katanya yang ditemui sedang ber-

niaga di Lebuh Raya Pasir Mas-Rantau Panjang.

Menurut Omar, ikan tembakang yang enak dimasak percik, asam pedas dan masak cili sering mendapat sambutan daripada pelanggannya.

"Sebanyak empat kilogram ikan yang dijual sehari biasanya akan habis dalam tempoh tidak kurang empat jam bergantung kepada keadaan cuaca.

"Ikan ini tidak ditimbang dan saya hanya menjual pada harga RM5 seikat.

"Ia biasanya lebih laris ketika cuaca hujan tetapi kurang mendapat sambutan jika cuaca panas," katanya.

Omar berkata, sebelum ini dia menjual ikan yang dipukat kepada beberapa peniaga tepi jalan tetapi mengambil inisiatif menjual sendiri pada tahun ini.



Ikan tembakang berharga RM5 seikat sering mendapat permintaan tinggi.

"Saya sudah 10 tahun memukat ikan di sungai berhampiran rumah dan selain tembakang, terdapat pelbagai jenis ikan lain termasuk keli dan baung yang ada penggemarnya tersendiri," katanya.

UTUSAN MALAYSIA	✓	KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN	POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL			8	24-11-2023

Cuaca buruk, nelayan 'berehat'

KUALA TERENGGANU:

Hampir semua nelayan bot kelas A di daerah ini terpaksa 'berehat' seketika daripada turun ke laut ekoran keadaan cuaca buruk sejak pertengahan bulan ini.

Pengerusi Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Kuala Terengganu Selatan, Rohaizard Arifin berkata, kebanyakan nelayan tidak turun ke laut kerana hujan lebat berterusan dan ramalan cuaca angin kencang dan laut bergelora untuk menjamin keselamatan.

Bagaimanapun, menurutnya, sebilangan kecil daripada lebih 1,000 ahli persatuan itu masih menangkap ikan buat masa ini.

"Bagi pengusaha bot kecil atau lesen A, mereka sudah keluar mencari rezeki sejak pertengahan bulan ini susulan peralihan monsun timur laut (MTL) dan akan turun semula Mac tahun depan.

"Daripada maklum balas juga menunjukkan nelayan kelas B, C dan C2 iaitu bot laut dalam juga ramai memilih untuk berehat," katanya ketika dihubungi semalam.

Kata Rohaizard, pada masa ini, nelayan yang masih turun ke laut adalah pengusaha bot kelas C dan C2 yang menggunakan pekerja asing dan berada di tengah laut selama empat atau lima hari.

"Jumlah tangkapan ikan juga sedikit terjejas apabila kebanyakan nelayan tidak menangkap ikan pada musim ombak bergelora ini," ujarnya.

Seorang nelayan kelas C, Ahmad Zaki Hitam berkata, pendapatannya menurun lebih 50 peratus gara-gara hasil tangkapan kurang memuaskan ketika musim monsun timur laut.

Beliau yang juga tekong bot dari Seberang Takir, Kuala Nerus berkata, dia mahu menunggu sehingga cuaca beransur pulih sebelum kembali menangkap ikan di tengah laut.

UTUSAN MALAYSIA	/	KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL		30	24.11.2023

SUSULAN ALUR CETEK KUALA PERLIS JEJAS 600 NELAYAN PANTAI

Nelayan setuju pindah terminal feri

Oleh **ASYRAF MUHAMMAD**
 utusannews@mediamula.com.my

KANGAR: Komuniti nelayan pantai di Kuala Perlis tidak menghalang sebarang perancangan bagi memindahkan terminal feri Kuala Perlis ke lokasi lain berhampiran kawasan sedia ada dalam mengatasi isu alur pelayaran cetek.

Namun begitu, pihak terlibat mengharapkan agar nasib nelayan pantai di kawasan itu tidak diabaikan memandangkan mereka akan turut terkesan dengan sebarang pelaksanaan pembangunan di perairan berkenaan.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Ahli Lembaga Pengarah (ATP) Persatuan Nelayan Negeri Perlis, Asri Jap berkata, sekiranya terminal baharu dibina berhampiran kawasan itu, nelayan pantai dikhuatiri akan terjejas bagi mendapatkan hasil pada setiap hari disebabkan oleh pergerakan keluar masuk feri.

"Sekiranya kerajaan negeri mengambil pendekatan macam Pulau Pinang, kami memang tiada masalah memandangkan jika dilihat nelayan di sana sebelum ini dibenarkan untuk ke kawasan tengah laut apabila ada pihak ingin melakukan pembangunan ka-



KOMUNITI nelayan pantai di Kuala Perlis mengharapkan kajian dan perbincangan teliti dapat dilaksanakan sebelum sebarang keputusan dibuat berhubung pembinaan terminal feri baharu di kawasan itu. - **UTUSAN/ASYRAF MUHAMMAD**

wasan pantai di sana.

"Selain itu, kerajaan negeri Pulau Pinang juga menyediakan bantuan peralatan yang sewajarnya memandangkan kelengkapan nelayan pantai sedia ada tidak mampu untuk ke kawasan tengah laut dalam bagi mencari hasil tangkapan," katanya.

Kelmarin *Utusan Malaysia* melaporkan, isu alur pelayaran cetek di terminal feri Kuala Perlis kembali berulang hanya dalam tempoh empat bulan selepas kerja-kerja

pengerukan selesai dilaksanakan pada September lalu. Terdapat beberapa cadangan bagi penyelesaian terhadap isu itu antaranya dengan memindahkan terminal berkenaan ke lokasi lain berhampiran kawasan sedia ada.

Asri berkata, kajian secara menyeluruh perlu dilaksanakan berhubung perkara itu berikutan sebarang pelaksanaan dibimbangi akan memberi kesan kepada kira-kira 500 hingga 600 nelayan pantai berlesen di kawasan itu.